

## DOA PENUTUP:

Allah yang hidup dan kekal,  
Engkau membebaskan umat Israel,  
dari perhambaan kejam di Mesir,  
dan menuntun mereka ke tanah  
perjanjian di mana susu dan madu  
mengalir. Kami mohon kepada-Mu  
bebaskanlah semua kanak-kanak,  
wanita dan lelaki, yang  
diperhambakan oleh beban  
pemerdagangan manusia yang kejam  
di dalam negara kami dan di seluruh  
dunia.

Allah pembebasan, bebaskanlah  
anak-anak-Mu dari ikatan mereka,  
pulihkanlah mereka dari luka-luka  
mereka, lindungi mereka dari  
bahaya seterusnya, alihkanlah hati  
para penindas. dan berilah mereka  
pengharapan, untuk permulaan baru  
dalam keselamatan dan damai.

Amin.

*(Februari 8, adalah Hari Doa Antarabangsa  
untuk para Mangsa Pemerdagangan Manusia.  
Ia juga adalah hari pesta Sta. Josephine  
Bakhita, penauang para mangsa  
pemerdagangan.)*

## LAGU PENUTUP:

### Tuhan Hadir Di Sini

Ku serahkan jiwaku  
Engkau tahu segala semua  
Tanganmu atasku yang memimpin aku  
Dari yang jahat ...

#### **Korus:**

**Tuhan hadir di sini  
Berdiri di samping ku  
Menjaga diriku  
Yang memimpin langkahku selalu**

Ke mana 'kan ku cari  
Hanya kasihMu yang memberi  
Kehidupan kekal hanya di dalamNya  
S'lama-lamanya ... **(K)**

Engkau tahu hatiku  
Engkaulah mencipta hati aku  
Segala perbuatan aku serahkan  
Dalam tanganMu ... **(K)**

Segala anugerahMu  
Yang bekerja di dalamku  
Bersyukur semua 'ku memuji Dikau  
Engkaulah Tuhan ... **(K)**

# KED Renungan

HARAPAN PERCAYA, HIDUP dan MEMBERI



ACARA: **Hari Menentang Pemerdagangan Manusia Sedunia**

TREN MEDIA SOSIAL: **#speakup**

### PENGENALAN:

30 Julai adalah "Hari Sedunia Menentang Perdagangan Manusia". Ini adalah peringatan yang suram bahawa setiap tahun, ribuan lelaki, wanita dan kanak-kanak jatuh ke tangan pemerdagangan manusia, di negara mereka sendiri dan di luar negara. Pedagang mengancam, memaksa, memujuk, menculik, menggunakan penipuan, menyalahgunakan kuasa mereka terhadap orang yang terdedah, atau memberikan pembayaran atau faedah kepada orang yang mengawal mangsa. Eksploitasi seksual adalah bentuk eksploitasi yang paling umum, diikuti oleh kerja paksa sementara pengemis paksa, perkahwinan paksa, penjualan anak-anak sebagai tentera kanak-kanak, dan juga untuk penjualan organ manusia adalah sebab lain untuk pemerdagangan manusia. Wanita merangkumi 49% dan kanak-kanak perempuan 23% daripada semua mangsa pemerdagangan manusia.

## DOA PEMBUKAAN:

### Doa untuk Mengakhiri Pemerdagangan Manusia

*(Satu petikan dari Sekolah para Sisters dari Notre Dame (SSND), Wilayah Kanada)*

Allah yang maha pengasih dan berbelas kasih, kami datang ke hadirat-Mu dalam doa. Kami berseru menentang amalan pemerdagangan manusia yang menjatuhkan maruah.

Perkenankan kami kebijaksanaan dan keberanian untuk menentang kejahatan yang memungkinkan untuk orang membeli dan menjual dan memperdagangkan orang lain. Kami mendoakan agar ia berakhir.

Amin.

## LAGU PEMBUKAAN:

### Sepanjang Jalan

S'panjang jalan hidup ada rakan setia  
la bersama dan pimpin perjalanan  
Damai dib'ri gelap dijadikan terang  
Tuhan telah s'lamat jiwa ku

**Korus:**

**Walaupun susah payah perjalanan  
Atas gunung dan lembah yang gelap  
Aku tahu Yesus ada di samping ku  
S'panjang jalan menuju bahagia**

Ku tak mengerti kasihNya Tuhan dulu  
Yesus disalibkan kerana aku  
Ku percaya Dialah Jurus'lamat ku  
Sejak itu Yesus di samping ku

## DIALOG:

Setiap orang diciptakan menurut gambaran Allah, dikasihi oleh Dia, dan mempunyai nilai dalam. Setiap orang sangat berharga - ukuran setiap institusi adalah sama ada mengancam atau meningkatkan kehidupan dan martabat manusia. Kerana setiap kehidupan adalah anugerah dari Allah dan ianya suci, ia layak dilindungi dan dipelihara; kita masing-masing mempunyai tanggungjawab untuk memerangi pelanggaran dan penghinaan saudara dan saudari kita. Perhambaan zaman moden - secara semula jadi menolak prinsip ini, menunjukkan penghinaan mutlak terhadap manusia.

Komitmen untuk mengakhiri perhambaan dalam segala bentuknya berakar pada Katekismus Gereja, yang melarang sebarang tindakan yang membawa kepada perhambaan manusia - dosa terhadap martabat seseorang dan hak asasi manusia. Komitmen ini ditegaskan semula semasa Konsili Vatikan Kedua; 'Perhambaan, pelacuran, penjualan wanita dan anak-anak, [dan] keadaan kerja yang memalukan di mana [orang] diperlakukan sebagai alat keuntungan semata-mata' adalah **kekejaman dan penghinaan tertinggi** kepada pencipta. '

Tragedi seperti 39 orang pendatang Vietnam yang mana mayat mereka dijumpai di dalam trak sejuk merupakan kejadian biasa. Perjalanan yang membawa maut ini memberi cahaya suram kepada apa yang disebut penyeludup sebagai **Laluan CO2** - perjalanan yang tidak menentu dan berbahaya yang banyak dilakukan dari Asia Tenggara untuk mencari peluang yang lebih baik di Eropah.

Salah seorang mangsa, Pham Thi Tra My, 26 tahun, berharap dapat mencari pekerjaan sebagai manikur (penjagaan tangan dan kuku) di London. *"Ibu, saya sangat mencintaimu dan ayah! Saya mati kerana tidak dapat bernafas,"* tulisnya dalam teks kepada ibunya pada awal 23 Oktober 2019, beberapa jam sebelum mayat-mayat ditemui.

Terdapat pelbagai sebab yang menyakitkan dan menyedihkan orang meninggalkan negara asal; konflik, penganiayaan politik, keagamaan atau penindasan seksual... Orang begitu terdesak untuk meninggalkan negara mereka untuk menyelamatkan diri, sehingga mereka bersedia mempertaruhkan nyawa mereka. Mereka merasakan keadaan ini adalah lebih baik daripada apa yang mereka hadapi di negara asal.

Kita harus mendorong sekolah-sekolah tempatan kita untuk memasukkan pemerdagangan manusia dalam kurikulum mereka. Gunakan platform media sosial kami untuk meningkatkan kesedaran mengenai pemerdagangan manusia. Adalah penting untuk diketahui bahawa pemerdagangan manusia sering menasaskan orang yang sedang melalui masa yang sukar atau yang tidak mempunyai sistem sokongan yang kuat. Jadilah pengaruh positif dalam kehidupan orang muda dengan mendorong kejujuran, keterbukaan. Gereja boleh mengadakan acara kesedaran dan forum komuniti.

### **Kongsikan pendapat dengan para anggota KED anda.**

- Kongsikan pemikiran dan kebimbangan anda tentang bagaimana kehidupan manusia dilihat sebagai satu komoditi.
- Adakan perbincangan mengenai langkah-langkah yang anda boleh lakukan untuk 'mengasahi jiran anda'.

## PENDALAMAN:

### Amsal 31:8-9

Bukalah mulutmu untuk orang yang bisu, untuk hak semua orang yang merana. Bukalah mulutmu, ambillah keputusan secara adil dan berikanlah kepada yang tertindas dan yang miskin hak mereka.

### RENUNGAN:

- Baca teks dengan suara yang kedengaran dan DENGAR dengan penuh keterbukaan.
- Baca dengan hening sendirian sehingga kamu menjumpai perkataan atau ayat yang menyentuh hatimu.
- Apakah yang dibisikkan oleh Roh Kudus melalui perkataan atau ayat tersebut?
- Apakah bicara kamu kepada Tuhan sebagai balasan kepada Firman-Nya?
- Kongsikan di dalam kumpulan kecil (3-4 orang).

### TINDAKAN:

- Sebagai anak Allah, bagaimana saya dapat bersikap lebih ramah terhadap migran (pendatang) dan pelarian di komuniti saya?
- Sebagai anak Allah, apa yang boleh saya lakukan untuk menjadi seorang pendengar yang lebih baik?
- Sebagai anak Allah, bagaimana saya boleh berkongsi dan mengajar kanak-kanak dan remaja mengenai nilai setiap orang?